



TEORI AKAUNTABILITI MEDIA: KEMAHIRAN DAN PROFESIONALISME WARTAWAN SOLO

Awan Ismail dan Nor Hafisya Fitri Mozli

Kajian ini menggunakan teori akauntabiliti media sebagai panduan. Teori akauntabiliti media ini diasaskan oleh penyelidik komunikasi bernama Denis McQuail, pada tahun 1997. Teori akauntabiliti media menggambarkan hubungan di antara kebebasan media, tanggungjawab kepada masyarakat dan akauntabiliti media. Teori ini mempunyai dua komponen, iaitu profesionalisme dan kemahiran. Dalam konteks kajian ini teori akauntabiliti media diaplikasikan untuk kemahiran dan profesionalisme sebagai wartawan solo. Hal ini kerana teori ini banyak memberi tumpuan terhadap profesionalisme dan kemahiran bagi menjaga akauntabiliti media.

Kemahiran dalam Teori Akauntabiliti Media

Kemahiran memainkan peranan penting dalam meningkatkan akauntabiliti media. Menurut Singer (2003) bagi menjaga kredibiliti, pengetahuan dan kemahiran kewartawanan diperlukan sebagai pengetahuan profesional bidang kewartawanan. Di samping itu, menurut Coronel (2002) industri memerlukan kemahiran yang pelbagai bagi memastikan wartawan sentiasa mengikut standard etika dan profesional yang ditegakkan. Industri kewartawanan di Malaysia dan negara lain, kini melalui perubahan yang agak signifikan dan akan terus berhadapan dengan cabaran dunia teknologi masa kini. Kemunculan media baharu iaitu media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *blog* dalam pelbagai bentuk video, gambar dan sebagainya menyebabkan masyarakat lebih memilih sumber tersebut untuk mendapatkan maklumat.

Aplikasi Teori dalam Kajian Media

Situasi tersebut menyebabkan pelbagai maklumat boleh diakses secara langsung dengan menggunakan pelbagai teknologi seperti komputer riba, tablet, telefon bimbit dan sebagainya. Evolusi era teknologi digital kini mendorong para wartawan agar mempunyai banyak kemahiran iaitu bukan sahaja dalam aspek teori kewartawanan, malahan juga ilmu dalam teknologi. Ini jelas dapat dibuktikan melalui laporan yang disediakan oleh Majlis Ketua-ketua Pengajian Komunikasi (COHECS, 2010) iaitu pelajar kewartawanan perlu disediakan dengan saluran pengajaran yang menerapkan pengetahuan teknologi di dalam menghadapi arus pemodenan media. Perkembangan teknologi juga menyebabkan perlunya kewartawanan solo dalam industri kewartawanan.

Wartawan solo adalah seorang wartawan tunggal yang dilengkapi dengan peralatan berteknologi tinggi untuk melaporkan berita dari seluruh pelusuk dunia dalam pelbagai jenis media. Menurut Plater (2015) wartawan solo adalah 'wartawan berperanan sebagai penyelidik, jurugambar, juruvideo, penyunting, dan penerbit untuk melaporkan berita dengan menggunakan peralatan elektronik mudah alih, perisian mengedit, telefon bimbit untuk mengambil gambar, merakam individu, tempat, dan peristiwa yang mempunyai nilai berita' (hlm. 4). Perkara ini dilihat sebagai perkara yang positif kerana wartawan yang mampu menjadi wartawan solo mampu melaksanakan kesemua tugas kerana mempunyai pelbagai kemahiran wartawan. Namun, dalam mengejar arus pemodenan teknologi, sebagai wartawan solo, aspek akauntabiliti perlu dititikberatkan. Hal ini kerana, teori akauntabiliti media menekankan aspek penguasaan kemahiran dalam mengekalkan akauntabiliti, bagi menjaga profesionalisme wartawan solo.

Justeru, teori akauntabiliti media digunakan disebabkan faktor trend penggunaan teknologi oleh pelbagai pihak dalam menyampaikan berita. Berdasarkan fenomena ini, industri berita perlu mengikuti trend penyampaian berita masa kini dengan meningkatkan kemahiran. Di samping itu, berita tradisional perlu dikekalkan. Akauntabiliti media dalam industri perlu dikekalkan